

Latihan bagi KUMPULAN A

KATA BILANGAN

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

1. Kakak amat menggemari telur ayam masak _____.

sesetengah

separuh

2. Aiman sudah diberitahu _____, tetapi dia tetap terlupa akan pesanan itu.

Beribu-ribu

berkali-kali

3. Syazwani gemar mengumpulkan _____ jenis setem luar negara.

berbagai

seluruh

4. _____ orang penjenayah itu telah berjaya diberkas oleh pihak polis.

Tiap-tiap

Kedua-dua

5. Lembu peliharaan Pak Samad ada _____ ekor?

keempat

berapa

6. _____ helai kertas melayang apabila Kamariah menghempas fail ke atas mejanya.

Seluruh

Ribuan

7. Haji Ahmad akhirnya meninggal dunia setelah _____ menderita penyakit angin ahmar.

bertahun-tahun

berkurun-kurun

8. Tuan Zaidi mendermakan _____ daripada hartanya kepada anak-anak yatim.

sebahagian

beberapa

9. _____ murid diwajibkan menyertai aktiviti kokurikulum.

Setiap

Setengah

10. Majikan itu melayani _____ pekerjaanya dengan adil tanpa pilih kasih.

separuh

semua